

AHAD 3 NOVEMBER 2019 • SINAR HARIAN

P.PINANG

Projek pakej 2 PTMP siap April 2023

FOTO: BERNAMA

GEORGETOWN - Projek pembinaan jalan pintasan menghubungkan Bandar Baru Air Itam, Farlim ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu yang bernilai RM851 juta dijangka siap pada April 2023.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, projek tersebut adalah di bawah pakej 2 Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) melibatkan kerja awal bermula semalam sehingga April tahun hadapan.

"Projek pembinaan lebuh raya sepanjang 5.7 kilometer ini akan mengambil tempoh 36 bulan, bermula April 2020 dan April 2023 adalah tarikh untuk kontraktor siapkan projek ini," katanya selepas majlis pecah tanah projek berkenaan di sini semalam.

Projek Pakej 2 dalam PTMP ini bertujuan menambah baik penyuraian trafik di kawasan-kawasan yang mengalami kesesakan jalan raya serius dan berupaya mengurangkan tempoh perjalanan dari Air Itam di Lebuhraya Thean Teik ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong dari 40 minit ke lima minit.



Kon Yeow (lima dari kanan) melakukan gimik perasmian pada majlis pecah tanah projek lebuhraya di Georgetown semalam.

Beliau berkata, pihak kerajaan negeri akan memberi jaminan kepada semua penduduk di Pulau Pinang bahawa lebuh raya tersebut tidak akan dikenakan tol pada masa hadapan.

Menurutnya, projek ini akan diserahkan kepada kerajaan negeri selepas kerja-kerja pembinaan siap dan pihak kerajaan negeri akan bertanggungjawab ke atas lebuh raya ini.

"Setelah siapnya projek ini, kos penyelenggaraan boleh dibiayai oleh kerajaan negeri ataupun kita boleh memohon peruntukan daripada Jabatan Kerja Raya atau Kementerian

Kerja Raya untuk selenggara," katanya.

Menurutnya, pihak kerajaan negeri akan meneliti semula isu penyelenggaraan lebuh raya ini menjelang siapnya projek terbabit.

PTMP ialah projek inisiatif kerajaan negeri dengan kos keseluruhan dianggarkan RM46 bilion, merangkumi terowong dasar laut menghubungkan bahagian pulau ke tanah besar, lebuh raya, perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), monorel serta rangkaian laluan bas secara menyeluruh di bahagian pulau dan tanah besar. - Bernama